

Kontrak Niaga Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia (FMG5) 5 Tahun

Spesifikasi Kontrak

KOD KONTRAK	Kontrak Niaga Hadapan Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 Tahun (FMG5)
INSTRUMEN PENDASAR	Sekuriti Kerajaan Malaysia dengan 5 Tahun kematangan (MGS 5 Tahun)
KADAR KUPON	6% setiap tahun, dibayar separa tahunan
UNIT KONTRAK	MGS 5 Tahun yang mempunyai nilai pokok RM100,000.00
SEBUT HARGA	Dalam Ringgit Malaysia untuk setiap nilai muka RM100.00, sehingga 2 digit perpuluhan
TURUN NAIK HARGA MINIMUM	0.01 = RM10.00
BULAN KONTRAK	4 bulan terhampir bagi kitaran suku tahunan pada Mac, Jun, September dan Disember
WAKTU DAGANGAN	Isnin hingga Jumaat (Waktu Malaysia) <ul style="list-style-type: none">• Sesi dagangan pertama: Jam 0900 - Jam 1230• Sesi dagangan kedua: Jam 1430 - Jam 1800
HARI DAGANGAN AKHIR	<ul style="list-style-type: none">• Hari Rabu ke-3 pada bulan Kontrak atau hari pertama bagi Hari Perniagaan, jika hari Rabu ke-3 untuk Kontrak tersebut jatuh pada hari yang bukan Hari Perniagaan.• Dagangan dalam bulan luput bagi sesebuah Kontrak berakhir pada Jam 1800
KAEDAH PENYELESAIAN	Serahan Fizikal

MGS BOLEH SERAH (PENYELESAIAN FIZIKAL)

- (a) Tertakluk kepada perenggan (c) di bawah, senarai bon yang layak yang boleh diserahkan termasuk MGS dengan ciri-ciri berikut:

Jenis Bon	Saiz Terbitan Minimum	Tempoh Matang
(i) Bon Tanda Aras 5-Tahun	Tidak Berkaitan	
(ii) Bon Bukan Tanda Aras	RM5 bilion	4 hingga 6 tahun, pada hari kalendar pertama bagi bulan kontrak

- (b) MGS yang layak akan diumumkan pada hari ke-10 pada bulan suku tahunan (iaitu bulan Mac, Jun, September, Disember) sebaik sebelum bulan kontrak Kontrak itu atau Hari Perniagaan akan datang sebaik sahaja selepas hari ke-10 jika hari ke-10 bukan Hari Perniagaan.
- (c) Tiada MGS baru akan dimasukkan dalam senarai MGS yang layak setelah pengumuman MGS yang layak untuk Kontrak bulan suku tahunan spot telah dibuat.

HAD POSISI SPEKULATIF

- (i) 3,000 Kontrak untuk bulan luput, bermula dari 3 Hari Perniagaan sebelum Hari Perniagaan pertama bulan penyerahan.
- (ii) 10,000 Kontrak dalam mana-mana satu bulan suku tahunan tertakluk kepada had di perenggan (i)
- (iii) 10,000 Kontrak untuk semua bulan digabungkan.